

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Pemimpin Agung yang Menentang Segala Jenis Penindasan

Bagi menyambut hari zahirnya Rasulullah *ṣallā ‘alayhi wa ālihi wa sallam*, umat Islam di seluruh dunia, pada bulan Rabiul Awwal yang berbahagia ini, biasanya meninjau kembali sejarah dan riwayat hidupnya, perjuangan dan penderitaannya, pengajaran dan panduan yang diberikannya.

Makalah ini, pati buah kalam al-Ustādh Muhammad Natsir, memberi gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai Junjungan kita dan ajaran Islam yang disampaikannya kepada umat manusia di seluruh dunia.

Junjungan kita Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* – yang kita peringati hari ini – telah diutus oleh Allah ‘azza wa jalla menjadi rahmat bagi alam seluruhnya. Jiwanya yang bergelora menyebabkan baginda memberontak dan tampil berjuang menghapuskan segala jenis penjajahan dan penindasan terhadap manusia oleh manusia. Agama Islam yang dibawanya mengajar umatnya supaya tampil merempuh gelanggang hidup dan berusaha sedaya upaya menentang kemelataran dan kemiskinan.

Dasar ini nyata kelihatan di dalam sabdanya:

“*Kāda al-faqrū yakūna kufraan*”

“Nyaris-nyaris kemiskinan itu menjadi kufur”.

Jangan kamu biarkan kemiskinan dan kemelataran bermaharajalela di sekeliling kamu, kerana yang demikian itu membawa manusia kepada maksiat. Manusia yang baik akan

terdorong berlaku ingkar kerananya. Kalau kamu hendak memelihara manusia supaya jiwanya jangan merosot, dan supaya dia tidak terpesong, maka berusaha untuk menghapuskan kemiskinan dan kemelataran itu.

Dalam ajaran-ajaran secara amalan, yang diberikan oleh agama Islam, tiap-tiap seorang kita tertuntut menggunakan kekuatan diri sendiri untuk menambah banyak hasil, supaya dapat meninggikan taraf kehidupan manusia: Supaya dapat membahagi-bahagi kekayaan dan barang-barang yang diperlukan dengan teratur dan adil.

“Zakat” hanya sebahagian kecil daripada itu.

“Sedekah” juga hanya sebahagian kecil daripadanya.

Tetapi dengan “zakat dan sedekah” itu sahaja, dapat dilenyapkan kemiskinan dan kemelataran yang bermaharajalela kalau dijalankan dengan teratur.

Tidak Ada Kemiskinan dan Penindasan

Akan tetapi seluruh peraturan yang dimajukan sebagai “peraturan kehidupan” daripada Junjungan kita Nabī Muḥammad (S.A.W.) itu, terang dan nyata garis besarnya, iaitu untuk membentuk satu masyarakat yang hidup dalam keagamaan.

Kita sebagai umat Islam tidak boleh membiarkan diri kita reda menerima kemelaratan dan kemiskinan itu. Kita diperintahkan oleh agama kita supaya jangan melupakan nasib kita di atas dunia ini. Kita disuruh memakai segala apa yang ada di sekeliling kita dengan jalan mengubah kekuatan alam, barang-barang logam, hasil lautan dan sebagainya untuk kemudahan penghidupan. Semuanya itu diperuntukkan Tuhan untuk manusia. Supaya kehidupan itu jadi bercahaya, dan dapatlah kita merasakan nikmat anugerah Ilahi itu.

Kepada orang yang berusaha dengan mencururkan peluh, digalakkan oleh Islam dengan kata-kata: Bahawa bekerja dan berusaha yang sedemikian itu, adalah salah satu cara kita bersyukur akan nikmat Tuhan *‘azza wa jalla*.

Awashlah Akan Kekayaanmu

Tentang modal, diberi ingat: Awash bahawa kekayaanmu itu jangan sekali-kali dilonggok-longgokkan sehingga tidak mengadakan penambahan hasil pengeluaran. Jangan kamu longgok-longgokkan emas dan perak untuk dilihat-lihat dan dihitung-hitung setiap bulan, akan tetapi tidak dimasukkan dalam roda pengeluaran hasil untuk menambah kebahagiaan dan kesejahteraan manusia.

Orang yang melonggok-longgokkan harta benda kekayaannya dalam keadaan beku dan tidak beredar adalah diancam dengan

seksa akhirat yang pedih.

Bukankah di dalam ajaran Quran, diancam orang yang dinamakan “*yaknizūna al-dhahab*” (yang menyimpan emas dan perak sebagai harta terpendam), yang tidak mendatangkan hasil.

Harta kekayaan itu mesti diedarkan dalam perniagaan dan perusahaan, supaya orang-orang yang menganggur mendapat pekerjaan, dan supaya bertambah hasil pengeluaran yang diperlukan oleh masyarakat.

Kita tertuntut menjalankan perintah-perintah agama mengenai cara bagaimana kita membina satu masyarakat.

Hak Asasi Manusia

Di dalam mencari hidup bahagia dan mengatur masyarakat, ahli-ahli fikir dan pakar-pakar hal ehwal masyarakat serta pejuang-pejuang kemerdekaan di seluruh dunia ini sudah sepakat menyusun satu piagam yang dinamakan “Hak Asasi Manusia”. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai sebuah jabatan yang khas untuk menyusun apa yang dinamakan hak-hak asasi bagi manusia itu. Hampir semua negara-negara yang merdeka di dunia ini sudah mengakui hak-hak asasi itu sebagai dasar-dasar fikiran untuk dijadikan dasar pembangunan negara mereka. Antara lain hak-hak asasi manusia itu ialah hak bercakap, hak mengeluarkan fikiran, hak kemerdekaan beragama, hak diri mendapat kehidupan yang layak, hak boleh mogok jika mustahak, dan bermacam-macam hak lagi.

Hak-hak asasi itu sudah dibuat piagam yang panjang lebar, untuk diingatkan kepada orang-orang, supaya

jangan ada manusia yang menjajah manusia, jangan ada yang menganiaya dan menindasnya. Piagam itu mengingatkan manusia supaya jangan mahu dijajah, dianiaya dan ditindas oleh orang lain. Piagam itu ialah satu langkah yang baik. Ia sudah terdaftar dan sudah lama diakui.

Yang belum terlihat ialah hasilnya yang memuaskan. Yang terlihat ialah bahawa sudah mesra dalam otak tiap-tiap orang, akan hak-haknya itu. Kalau belum terlihat hasil itu pada sisinya, maka timbullah padanya kesal dan pahit hati.

Perjuangan Hak

Maka timbullah daripada perbuatan hak ini suatu jenis peraturan yang disebut “Perjuangan untuk Hidup”. Perbuatan hidup: Siapa lemah dialah yang mati. Perbuatan hidup yang didasarkan kepada tuntutan dan tuntutan.

Memang dalam beberapa buah negeri Barat, yang berkobar-kobar sekarang ini ialah falsafah “Perjuangan untuk Hidup”. Mencari hidup, walaupun orang lain akan hancur kerananya.

Adakah hanya itulah sahaja satu jalan untuk mencapai kehidupan dan kesejahteraan masyarakat? Cara Islam mendekati soal ini memang ada bezanya. Dengan tidak mengurangi bahawa tiap-tiap seorang itu mestilah mengetahui akan haknya, maka pertama-tama yang diajarkan oleh Islam bukanlah “apa hak saya” bahkan yang diajarkannya kepada seorang Muslim ialah: “Apa kewajipan yang mesti saya tunaikan”.

Kita mengetahui bahawa seorang anak yang dipelihara oleh ibu bapanya, adalah kewajipannya untuk menghormati dan mencintai ayah dan ibunya itu. Menghormati dan

berterima kasih kepada ibu dan bapanya itu adalah satu hal yang memang pada tempatnya. Dan kita juga sedia merasai bahawa ibu bapa berhak menerima penghormatan anaknya.

Penyelesaian Islam

Tetapi kepada si bapa dan si ibu itu tidak dikatakan “kamu berhak”, atau hak kamu yang telah ditetapkan ialah supaya “anak kamu berterima kasih kepada kamu”.

Jikalau anak kamu itu tidak berterima kasih kepada kamu, maka tuntutan itu hingga bertangisan! Bukan demikian caranya dalam Islam. Salah satu daripada ajaran yang diberikan kepada anak yang kecil, ada dicontohkan oleh *al-Qur’ān*. Yang utama sekali ditanamkan dalam jiwanya, ialah menumbuhkan benih dalam jiwa anak itu tentang hubungan dengan ibu bapanya. Diajarkan kepada si anak, supaya ia mendoakan ibu bapanya. Diajarkan juga kepada si anak, supaya dia bertempat kasih kepada ibu bapanya.

“*An ashkurlī wa li wāliḍaika*” (supaya kamu bersyukur kepada aku dan berterima kasih kepada dua ibu bapamu). Diajarkan bagaimana seharusnya si anak mendoakan ibu bapanya, dengan doa: “*Rabbī irḥamhumā kamā rabbayānī ṣaghīrā*” (Ya Rabbi, ya Tuhanku, rahmati dan kasihnilah ibu bapaku sebagaimana mereka membela dan mendidik aku ketika aku masih kecil).

Kewajipan

Yang ditanam di sini ialah rasa “kewajipan” yang mesti dipenuhi kepada orang tua, iaitu rasa *rahīm* dan cinta.

Ibu bapa pula sudah juga dijelaskan oleh

jahat, bukan salah si anak itu sendiri.

Islam tentang kewajipan keduanya:

Ditetapkan “tanggungjawab” yang mesti dipenuhi

“Kewajipanmu yang tidak boleh tidak ialah memelihara anakmu itu. Anak itu lahir dalam keadaan yang suci, yang bersih. Kalau kamu abaikan, maka kamulah yang menjadikan dia: Orang yang rosak, ingkar dan

oleh si ibu dan si bapa, dan ditetapkan pula “kewajipan” si anak kepada ibu bapanya. Inilah ajaran Islam – yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*.



Pelajar-pelajar “Madrasah Indonesia” Makkah al-Mukarramah, yang telah lulus baharu-baharu ini. Duduk dari kanan:

Saudara-saudara Husin Hitam (Kedah), Yahya Ismail Nun Buri (Siam), Faḍīlah al-Ustādh al-Shaykh Abdul Jalil al-Maqdisi, Mudir madrasah itu, Muhammad bin Abdullah (Jala, Siam), dan Firuz Fibun Suwadi (Ahmad Ismail) Bangkok – Siam.

Berdiri dari kanan: Abdul Mutalib Abdullah (Keroh, Perak), Ibrahim bin Abdullah Qurbi (Siam), Ghazali bin Ahmad (Sik, Kedah), Zubair bin Tahir (Bagan Dato`, Perak) Wan Abdul Latif bin Muhammad Nur (Patani), Hasan Ya'qub (Patani), Abdul Rahman bin Yunus (Narathiwat, Siam). Pelajar-pelajar kita ini, setengahnya hendak melanjutkan pelajaran ke Mesir dan yang lain tetap dalam takhaṣṣuṣ shar'ī - di Makkah.